

# Penduduk dakwa projek lebuhraya punca tanah runtuh

UM 11/10/2006

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 10 Okt. - Mangsa tanah runtuh flat kos rendah di Seksyen 10, Wangsa Maju mendakwa, kejadian tersebut berpunca daripada projek Lebuhraya Damansara-Hulu Kelang (Duke) yang berhampiran penempatan mereka.

Menurut mereka, dakwaan itu ekoran keadaan cerun tebing di kawasan flat itu mula merekah sejak kontraktor projek tersebut menjalankan kerja-kerja mengorek tanah menggunakan jentera berat dua minggu lalu.

Lebih malang, dakwa mereka, aduan yang dikemukakan oleh penduduk kepada pihak pemaju flat terbabit mengenai rekahan itu tidak diendahkan.

Seorang penduduk **Hor Chan Hoo**, 22, berkata, kebanyakan penduduk khususnya yang tinggal di Blok 5 sedar mengenai masalah tersebut iaitu sejak kontraktor projek lebuhraya memulakan kerja berhampiran dengan flat.

"Saya percaya projek ini yang menjadi punca kepada masalah tanah runtuh di kawasan kami. Mereka bekerja 24 jam sehari dan saya lihat sendiri bagaimana jentera-jentera berat digunakan untuk mengorek tanah.

"Sejak itu saya serta penduduk yang lain mula sedar yang tebing di rumah kami mula merekah. Jarak rumah kami dengan tempat projek terlalu hampir iaitu lebih kurang 500 meter," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kejadian tanah runtuh yang berlaku di belakang flat kos rendah di Seksyen 10, Wangsa Maju lewat petang semalam

hingga memaksa lebih 600 penghuninya mengosongkan empat blok di kawasan itu.

Akibat tanah runtuh yang berlaku kira-kira pukul 7.10 malam itu, tanah di sebahagian kecil Blok 5 terhakis, di samping kawasan pembuangan sampah di flat musnah ditimbus oleh tanah.

Seorang lagi penduduk, **Hor Chan Kiat**, 25, berkata, apabila menyedari berlaku sesuatu pada cerun itu, ibunya membuat laporan kepada pihak pemaju flat berkenaan.

"Namun begitu tiada tindakan sewajarnya diambil. Apa yang pasti pemaju tidak serius menangani masalah yang telah dikemukakan oleh penduduk," katanya yang telah mendiami flat itu sejak 18 tahun lalu.

## Mengangani

Nurul Nur Ariani, 22, juga senada dengan dua jirannya itu apabila melahirkan rasa kesalnya terhadap flat tersebut kerana gagal mengangani masalah itu dengan segera.

"Saya dan suami sebelum ini merakamkan gambar-gambar yang menunjukkan berlakunya rekahan di cerun yang terletak betul-betul di sebelah rumah kami.

"Kami mahu membawa perkara ini ke tengah tetapi malangnya tidak sempat. Apa yang kami takut selama ini akhirnya berlaku juga malam tadi. Peristiwa itu amat menakutkan saya sekeluarga dan ia akan diingati sampai bila-bila," katanya yang kini menumpang di rumah bapa saudaranya.

Bagi seorang lagi penduduk, Annmarimah **Govinda Raju**, 48, dia merasa amat sedih kerana terpaksa berpindah beriku-



**SEBAHAGIAN** daripada penduduk memindahkan barangan selepas diarahkan berpindah dari flat di seksyen 10, Wangsa Maju, Kuala Lumpur, semalam.

tan berlakunya peristiwa tersebut.

"Lebih sedih lagi apabila mengenangkan saya baru sahaja mengubahsuai rumah dengan kosnya kira-kira RM8,000. Dalam hal ini saya tidak boleh buat apa kerana keselamatan lebih utama," tambahnya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu semalam telah meminta kontraktor Duke melaksanakan kerja pembaikan di

kawasan tanah runtuh itu.

"Saya sudah arah kontraktor supaya memulakan kerja secepat mungkin dan meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia menyasat kejadian itu," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di London di mana beliau kini menghadiri Kongres Sedunia ke-13 Sistem Pengangkutan Antarabangsa.